



KTPK 18/7/2.148 ( 18 )  
16 Februari 2004

Semua Pengarah Ukur Negeri / Ketua Seksyen

**PEKELILING KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN  
BIL. 1 TAHUN 2004**

---

**GARIS PANDUAN MELANJUTKAN PELAJARAN  
KE INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI SECARA  
SEPENUH MASA DAN SEPARUH MASA**

---

**1. TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk menjelaskan garis panduan bagi melanjutkan pelajaran ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT) secara sepenuh masa atau separuh masa kepada setiap pegawai dan kakitangan Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM).

**2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 Pada masa kini, kaedah yang digunakan oleh pegawai dan kakitangan untuk melanjutkan pelajaran ke IPT adalah dengan memohon melalui sokongan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia (Ketua Jabatan) bagi mendapatkan tempat pada tahun atau sesi berkenaan, manakala sebahagian lagi permohonan dikemukakan terus ke IPT tanpa melalui Ketua Jabatan.

- 2.2 Bagi permohonan yang dihantar terus ke IPT, kakitangan akan mengemukakan permohonan cuti belajar kepada Ketua Jabatan setelah mendapat tempat di IPT dan implikasinya, Jabatan menghadapi beberapa masalah seperti berikut :
- i) Ibu Pejabat JUPEM telah menerima banyak permohonan cuti belajar yang tidak diduga;
  - ii) akan menjelaskan prestasi Jabatan apabila ramai pegawai melanjutkan pelajaran tanpa diduga, di mana beban kerja pegawai tersebut terpaksa dipikul oleh pegawai lain;
  - iii) akan menimbulkan rasa ketidakadilan di kalangan kakitangan Jabatan kerana ada pegawai yang baru disahkan dalam perkhidmatan diluluskan untuk melanjutkan pelajaran; dan
  - iv) sukar bagi Jabatan / Seksyen berkenaan untuk membuat perancangan dalam meningkatkan produktiviti Jabatan / Seksyen masing-masing.

### **3. PELAKSANAAN**

- 3.1 Adalah menjadi hasrat Jabatan untuk menyedia dan memastikan perkhidmatan ukur dan pemetaan yang berkualiti, efisien dan berkesan disamping membentuk warga JUPEM yang berilmu, terlatih dan berkebolehan serta mempunyai nilai-nilai murni dalam menghadapi cabaran dan keperluan semasa yang sentiasa berubah-ubah.
- 3.2 Selain daripada latihan dan kursus jangka pendek yang telah disediakan, Jabatan juga merancang dan menggalakkan kakitangannya untuk melanjutkan pelajaran ke tahap yang lebih

tinggi iaitu Doktor Falsafah, Sarjana, Diploma Lepasan Ijazah, Sarjana Muda, Diploma dan Sijil Politeknik secara sepenuh masa atau separuh masa. Sehubungan itu, bilangan pegawai dan kakitangan yang dibenarkan untuk melanjutkan pelajaran ke IPT setiap tahun adalah berdasarkan kepada keperluan dan perancangan Jabatan.

#### **4. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN UNTUK MELANJUTKAN PELAJARAN**

- 4.1 Pegawai atau kakitangan yang memohon untuk melanjutkan pelajaran secara sepenuh masa atau separuh masa hendaklah memenuhi syarat-syarat seperti berikut :
- i) Pegawai Kumpulan Pengurusan & Profesional dan Kumpulan Sokongan yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan tetap;
  - ii) telah disahkan dalam perkhidmatan;
  - iii) telah berkhidmat sekurang-kurangnya tiga (3) tahun;
  - iv) mempunyai Laporan Nilaian Prestasi Tahunan Gred A dengan purata markah minimum 85% bagi tiga (3) tahun kebelakang;
  - v) bersih daripada pertuduhan dan tindakan tatatertib serta bebas daripada dakwaan mahkamah; dan
  - vi) telah mengisytiharkan harta mengikut Peraturan 10, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

4.2 Syarat had umur melanjutkan pelajaran adalah seperti berikut :

i) Belajar Sepenuh Masa

Berumur tidak lebih daripada 44 tahun bagi peringkat Doktor Falsafah, 46 tahun bagi peringkat Sarjana/Diploma Lepasan Ijazah dan 50 tahun bagi peringkat Sarjana Muda, Diploma dan Sijil Politeknik pada tarikh tutup permohonan. Walau bagaimanapun syarat ini tertakluk kepada peraturan had umur yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dari semasa ke semasa.

ii) Belajar Separuh Masa

Tidak tertakluk kepada had umur.

## **5. PROSEDUR PENGHANTARAN PERMOHONAN KE INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI**

5.1 Semua permohonan untuk melanjutkan pelajaran secara sepenuh masa atau separuh masa ke peringkat Doktor Falsafah, Sarjana, Diploma Lepasan Ijazah, Sarjana Muda, Diploma dan Sijil Politeknik hendaklah menyertakan surat dan borang permohonan melanjutkan pelajaran ke IPT yang diperakui oleh Pengarah Ukur Negeri / Ketua Seksyen ke Ibu Pejabat JUPEM (untuk perhatian Ketua Penolong Pengarah Ukur (KPPU) Seksyen Perancangan Gunatenaga) pada atau sebelum 30 Jun setiap tahun iaitu 6 bulan sebelum sesi / tahun pengajian di IPT bermula.

5.2 Langkah-langkah permohonan (rujuk Carta Alir di **Lampiran A**) adalah seperti berikut :

- i) pemohon hendaklah mengisi **Borang JUPEM IPT 1/2004** seperti yang dilampirkan dan mengemukakan permohonan kepada Pengarah Ukur Negeri / Ketua Seksyen masing-masing berserta dokumen-dokumen berkaitan bagi menyokong permohonan tersebut;
- ii) bagi permohonan yang disokong, Pengarah Ukur Negeri / Ketua Seksyen hendaklah menghantarnya kepada Ibu Pejabat JUPEM (untuk perhatian KPPU Seksyen Perancangan Gunatenaga ) untuk tindakan seterusnya;
- iii) bagi pemohonan yang telah diluluskan oleh Ibu Pejabat JUPEM, pemohon berkenaan dikehendaki memohon kemasukan secara terus melalui Pengarah Ukur Negeri / Ketua Seksyen kepada IPT berkenaan; dan
- iv) bagi pemohon yang telah diterima masuk ke IPT, mereka dikehendaki menghantar salinan surat tawaran dan surat permohonan cuti belajar melalui Pengarah Ukur Negeri / Ketua Seksyen kepada Ibu Pejabat JUPEM (untuk perhatian Pengarah Seksyen Pentadbiran dan Perkhidmatan) untuk tindakan seterusnya.

## 6. KURSUS-KURSUS YANG DIPERAKUKAN

6.1 Pegawai-pegawai yang memohon untuk melanjutkan pelajaran perlulah memohon untuk mengikuti kursus-kursus yang berkaitan dengan bidang tugas pegawai berkenaan dan diperakui oleh Jabatan. Bagi kursus-kursus yang lain, pertimbangan akan diberi mengikut kepentingan Jabatan. Kursus yang diperakukan oleh Jabatan adalah seperti berikut :

- i) Sijil Ukur Tanah - Politeknik tempatan
- ii) Diploma Ukur Tanah - Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Politeknik Tempatan
- iii) Diploma Sains Geomatik (Ukur Tanah/Sumber Alam/GIS) - Universiti Teknologi MARA (UiTM)
- iv) Sarjana Muda Kejuruteraan (Geomatik) - UTM
- v) Sarjana Muda Sains Geomatik - UiTM
- vi) Sarjana Muda - IPT di dalam dan luar negara yang diiktiraf oleh JPA
- vii) Diploma Lepasan Ijazah - IPT di dalam dan luar negara yang diiktiraf oleh JPA
- viii) Sarjana - IPT di dalam dan luar negara yang diiktiraf oleh JPA
- ix) Doktor Falsafah - IPT di dalam dan luar negara yang diiktiraf oleh JPA
- x) Lain-lain kursus - IPT di dalam dan luar negara yang diiktiraf oleh JPA

6.2 Pegawai-pegawai yang telah diluluskan untuk melanjutkan pelajaran bagi kursus yang telah dipohon, tidak dibenarkan menukar kursus.

## **7. PERMOHONAN MELANJUTKAN PELAJARAN YANG TIDAK MELALUI KETUA JABATAN**

Mana-mana permohonan melanjutkan pelajaran ke IPT yang tidak melalui Ketua Jabatan, tidak akan dipertimbangkan untuk mendapatkan apa-apa kemudahan cuti belajar dan tidak akan dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat.

## **8. TARikh BERKUATKUASA**

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai dari tarikh pengeluarannya.

## **9. PEMBATALAN**

Dengan berkuatkuasanya pekeliling ini, mana-mana surat arahan dan peraturan yang berkaitan adalah dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**



**(DATO' HAMID BIN ALI)**


Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan  
Malaysia

Salinan kepada :

Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan  
Pengarah Ukur Bahagian (Pemetaan)  
Pengarah Ukur Bahagian (Kadaster)


## LAMPIRAN A

### CARTA ALIR PERMOHONAN UNTUK MELANJUTKAN PELAJARAN KE INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI (IPT)



**Nota :**

1. Ketua Seksyen – ketua seksyen di Ibu Pejabat JUPEM
2. KPPU (PGT) – Ketua Penolong Pengarah Ukur (Perancangan Gunatenaga)
3. PS (PP) – Pengarah Seksyen (Pentadbiran & Perkhidmatan)



**JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA  
(SEKSYEN PERANCANGAN GUNATENAGA)**

**PERMOHONAN UNTUK MELANJUTKAN PELAJARAN**

- ARAHAN:**
1. Lengkapkan borang dengan jelas, sila rujuk panduan kod di mana berkaitan.
  2. Perlu diisi dalam **DUA (2) salinan**.
  3. Senarai tugas perlu disertakan.

Gambar

**A. BUTIR-BUTIR DIRI**

1. Nama Penuh:
2. No. Kad Pengenalan: (a) Baru  -  -   
(b) Lama
3. Tarikh Lahir:      
(Hari) (Bulan) (Tahun)
4. Negeri Lahir:  (rujuk panduan kod)
5. Taraf Perkahwinan:  (K - Kahwin, B - Bujang)
6. Jantina:  (L - Lelaki, P - Perempuan)
7. Keturunan:  (rujuk panduan kod)
8. Agama:  (I - Islam, L - Lain-lain)
9. Kecacatan:  (rujuk panduan kod)

**B. BUTIR-BUTIR PERKHIDMATAN SEKARANG**

10. Klasifikasi Perkhidmatan  (rujuk panduan kod)
11. Skim Perkhidmatan : \_\_\_\_\_
12. JUPEM Negeri / Seksyen : \_\_\_\_\_
13. Alamat Tempat Bertugas: \_\_\_\_\_
14. Gred Jawatan :      
(rujuk panduan kod)
15. Tanggagaji : P  T
16. Tarikh Lantikan:      
(Hari) (Bulan) (Tahun)
17. Tarikh Disahkan:      
(Hari) (Bulan) (Tahun)
18. Lantikan pertama ke **PERKHIDMATAN KERAJAAN** jika lain dari 11:  
 (a) Skim Perkhidmatan: \_\_\_\_\_ (b) Tarikh Lantikan:      
 (Hari) (Bulan) (Tahun)

**C. BUTIR-BUTIR AKADEMIK**

19. Kelayakan:	Bidang & Institusi/Universiti	Kelas/CGPA	Tahun
(a) Sijil			
(b) Diploma			
(c) Sarjana Muda			
(d) Dip. Lepasan Ijazah			
(e) Sarjana			
(f) Ph.D			

**D. BUTIR-BUTIR KURSUS YANG DIPOHON**

20. Nama Kursus : \_\_\_\_\_
21. Peringkat Kursus : \_\_\_\_\_
22. Nama Institusi : \_\_\_\_\_
23. Tempat/Negara : \_\_\_\_\_
24. Tarikh/Tempoh Kursus : \_\_\_\_\_ - \_\_\_\_\_ / ( \_\_\_\_\_ bulan)
25. Penganjur : \_\_\_\_\_

---

#### E. KURSUS YANG PERNAH DIIKUTI/BIASISWA YANG PERNAH DITERIMA

26. Kursus yang pernah diikuti dalam tempoh **2 tahun** yang lepas. ( Sila buat lampiran jika ruang tidak mencukupi )

Nama Kursus	Anjuran	Tempat	Tempoh/Tarikh

27. Biasiswa yang pernah diterima :

Penaja	Tarikh/Tempoh Biasiswa	Kursus Yang Diikuti	Tempoh Kontrak

#### F. PENGAKUAN PEMOHON

28. (a) Saya telah/belum \* mengisyiharkan harta.

(b) Saya mengaku bahawa semua keterangan di atas adalah benar. Sekiranya kenyataan yang diberikan tidak benar, JUPEM berhak membatalkan permohonan ini.

Tarikh: \_\_\_\_\_

( Tandatangan Pemohon )

#### G. PERAKUAN KETUA JABATAN

29. (a) SOKONGAN: Disokong / Tidak Disokong \*

(b) TINDAKAN TATATERTIB: Ada / Tiada \*

Saya mengesahkan bahawa semua kenyataan yang diberikan oleh

\_\_\_\_\_ adalah benar.

Tarikh: \_\_\_\_\_

( Tandatangan Ketua Jabatan )

Nama: \_\_\_\_\_

Jawatan: \_\_\_\_\_

Cop Rasmi Jabatan: \_\_\_\_\_

#### H. UNTUK KEGUNAAN JUPEM ( SEKSYEN PERANCANGAN GUNATENAGA )

Nama Kursus: \_\_\_\_\_ Bidang: \_\_\_\_\_

Institusi: \_\_\_\_\_ Tempat: \_\_\_\_\_

Tarikh Kursus: MULA 

(Hari)	(Bulan)	(Tahun)				

 Tempoh: 

(Bulan)	(Hari)

TAMAT 

(Hari)	(Bulan)	(Tahun)				

 Pengajur: \_\_\_\_\_

Jenis Cuti Belajar / Hadiah Latihan: \_\_\_\_\_

Tempoh Kontrak 

--	--

 ( dalam tahun ) Catatan : \_\_\_\_\_  
( jika ada )

Nota : \* Potong yang tidak berkaitan

## PANDUAN KOD

### A. BUTIR-BUTIR DIRI

4. Negeri Lahir
  - 01 Johor
  - 02 Kedah
  - 03 Kelantan
  - 04 Melaka
  - 05 Negeri Sembilan
  - 06 Pahang
  - 07 Perak
  - 08 Perlis
  - 09 Pulau Pinang
  - 10 Selangor
  - 11 Terengganu
  - 12 Wilayah Persekutuan
  - 13 Sabah
  - 14 Sarawak
  - 15 Lain-lain
  - 16 W.P. Labuan

7. Keturunan

- 01 Melayu
- 02 Cina
- 03 India
- 04 Orang Asli Semenanjung
- 07 Kadazan Kawekan/Dusun
- 08 Murut
- 09 Bajau, Ilanau
- 10 Lain-lain Bumiputera Sabah
- 13 Melanau
- 14 Iban
- 15 Bidayuh
- 16 Lain-lain Bumiputera Sarawak
- 17 Lain-lain

9. Kecacatan

- A Buta
- B Buta Warna
- C Mendengar dengan alat bantuan
- D Pekak
- E Bisu
- F Gagap
- G Cacat Kaki
- H Cacat Tangan
- I Lumpuh
- J Kecacatan Lain

### B. BUTIR-BUTIR PERKHIDMATAN SEKARANG

10. Klasifikasi Perkhidmatan
  - C Sains
  - F Sistem Maklumat
  - J Kejuruteraan
  - K Keselamatan dan Pertahanan Awam
  - L Perundangan
  - M Tadbir dan Diplomatik
  - N Pentadbiran dan Pembangunan
  - R Mahir/Separu Mahir/Tidak Mahir
  - S Sosial
  - W Kewangan

14. Gred Jawatan

Contoh: J29 = 

	J	2	9
--	---	---	---